



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
ARAS 6 - 10, BLOK C7, KOMPLEKS C
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62520 PUTRAJAYA.



Telefon : 03-8885 6000
Fax : 03-8888 5036

Ruj. Tuan:

SPA.S(KT)015/69/(4)

Ruj. Kami:

Tarikh: 26 Januari 2010

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, 6 dan 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohamad Azhan bin Md Amir)

Tuan,

PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N17, N22, N32 KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/SETIAUSAHA PEJABAT GRED N17, N22, N27/28, N32, N36 BERIKUTAN PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)

Dengan hormatnya surat tuan rujukan JPA(PERK)334/13-19 Klt.7(10) bertarikh 19 Januari 2010 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen bagi skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17, N22, N32 ke skim perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N17, N22, N27/28, N32, N36 berikutan perubahan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) mewakili kuasa kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan yang berkaitan untuk menawarkan opsyen kepada pegawai;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;
- (iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah pada **1 Januari 2010**;

...2/-

- (iv) gaji yang ditawarkan adalah seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009; dan
- (v) mewakilkan kuasa kepada Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan untuk melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan yang berkaitan hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen seperti di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009 kepada pegawai yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(IZA ILLANI BINTI MOHD ALI)

Bahagian Perkhidmatan
b.p. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia.

s.k.:

YBhg Dato' Abu Bakar Othman
Timbalan Pengarah Kanan
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan JPA
Aras 1, 6 dan 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA

Encik Abu Bakar bin Idris
Timbalan Pengarah
Cawangan Dasar dan Pembangunan Perkhidmatan
Bahagian Perkhidmatan JPA
Aras 1, 6 dan 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA